

# Fokus cemerlang akademik serta sahsiah



## PENA KAMPUS

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed

**Rata-rata** Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menerima kemasukan pelajar baru September setiap tahun. Jumlah kemasukan pelajar ke IPTA dilihat semakin meningkat sekali gus menunjukkan betapa generasi muda negara ini semakin cerdik dan bijak.

Malah, bilangan pelajar yang mencatat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan utama terus meningkat setiap tahun

menyebabkan peluang kemasukan ke IPTA perlu dilipat gandakan demi memberi peluang dan akses pendidikan sewajarnya kepada generasi pelapis.

Namun, persoalannya sejauh mana generasi bijak pandai ini boleh menjadi aset dan harapan negara bangsa selepas bergraduat. Malaysia sedang menuju impian untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 yang menuntut bilangan pekerja mahir daripada pelbagai bidang kritikal terutama sains dan teknologi.

Hal ini penting kerana kita tidak mahu lagi bergantung harap kepada te-

naga kepakaran dari luar kerana mahu maju mengikut acuan dan budaya sendiri. Maka, pelajar IPTA inilah yang sepautunya menyahut cabaran ini supaya mempersiapkan diri sebagai tenaga pakar yang diperlukan negara kelak.

Ini satu tanggungjawab dan amanah besar diletak di bahu mereka. Justeru, siswa perlu memfokus kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah supaya mampu menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Dalam konteks ini siswa sejak tahun pertama lagi wajar meletakkan sasaran yang jelas mengenai hala tuju masa depan mereka

terutama bidang kerjaya hendak diceburi. Dengan itu siswa dapat membuat segala persiapan terutama menimba ilmu sewajarnya demi mempersiapkan diri menghadapi dunia luar yang penuh mencabar.

Dalam memastikan perkara ini menjadi realiti, siswa perlu bijak mengurus masa dan membuat keputusan supaya kekal fokus kepada pencapaian akademik dan sahsiah yang cemerlang. Justeru, siswa perlu mengelak terjebak dengan pengaruh luar yang negatif dan menjadi alat pihak yang mempunyai agenda peribadi sendiri.

Gunakan peluang seki-

tar empat tahun di kampus untuk memperkasakan diri dengan segala kemahiran insaniah yang diperlukan supaya mendapat nilai tambah seperti kepemimpinan, pemikiran kritis, kerja berpasukan dan komunikasi yang baik kerana ia mustahak dalam dunia pekerjaan.

Siswa perlu sedar betapa pentingnya memperoleh keputusan akademik yang cemerlang serta memiliki kemahiran insaniah yang mantap supaya mudah memperoleh peluang pekerjaan kelak. Kajian Jobstreet.com mendapati antara masalah utama graduan ialah kelemahan berbahasa Inggeris, memiliki karakter, personaliti serta sikap kurang baik, tiada kemahiran yang diperlukan.

Maka, siswa perlu memberi fokus kepada kecemerlangan akademik serta sahsiah merangkumi kemahiran insaniah supaya mampu merealisasikan harapan negara. Kelemahan dan kekurangan dinyatakan majikan perlu diberi perhatian khusus sejak tahun pertama agar dapat menimba ilmu diperlukan secara serius dan mendalam dalam tempoh empat tahun bagi mengatasi kelemahan berkenaan.

• Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

• Warga kampus yang ingin menyumbang penulisan mengenai isu semasa boleh menghantarnya ke ruhaizarusmin@mediaprime.com.my